

PERANAN DATIN RUSMIATI HARUN DALAM DAKWAH

Safinah Ismail
safinah@kuis.edu.my
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Aina Aqilah Amran
Prof. Dr Badlihisham Mohd Nasir

ABSTRAK

Dakwah adalah tanggungjawab semua termasuk juga wanita, Ia memainkan peranan yang penting dalam kehidupan beragama. Dalam artikel ini akan dibincangkan tentang salah seorang pendakwah wanita iaitu Datin Rusmiati Harun. Objektif kajian ini adalah mengenalpasti latar belakang Datin Rusmiati Harun dan peranannya dalam dakwah, metodologi kajian yang digunakan adalah deskriptif dan temubual. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa wanita juga mampu menjadi pendakwah terutama kepada wanita. Datin Rusmiati Harun adalah salah seorang pendakwah wanita yang disegani di Malaysia. Banyak pengalaman dan kejayaan-kejayaan yang telah beliau perolehi sepanjang beliau berkecimpung di dalam medan Dakwah. Pengalaman yang beliau perolehi sejak dari mula karier beliau menyebabkan beliau banyak menimba pengalaman dan amat matang dengan isu-isu masyarakat khususnya di dalam keluarga dan social. Antara peranannya adalah mewujudkan keluarga dengan nilai kasih sayang dan pendidikan agama, Menyebarkan ilmu kepada masyarakat, memberi bantuan kepada kaum wanita, khidmat Kaunseling dan sebagainya

Kata Kunci: *Peranan, Rusmiati Harun, dakwah, wanita*

PENGENALAN

Di zaman moden, diantara tokoh wanita yang aktif menyuburkan dakwah di Malaysia ialah Ustazah Datin Rusmiati Harun. Beliau diangkat sebagai pendakwah wanita bagi penulisan ini adalah kerana beliau merupakan orang lama dalam dunia pendakwahan. Banyak pengalaman dan kejayaan-kejayaan yang telah beliau perolehi sepanjang beliau berkecimpung di dalam medan Dakwah. Pengalaman yang beliau perolehi sejak dari mula karier beliau menyebabkan beliau banyak menimba pengalaman dan

amat matang dengan isu-isu masyarakat khususnya di dalam keluarga dan sosial. Di samping itu, beliau juga mempunyai sifat-sifat yang murni yang boleh dicontohi.

PERANAN WANITA DALAM DAKWAH

Tugas dan tanggungjawab melaksanakan dakwah tidak terbatas oleh masa, sempadan geografi dan jantina. Ia merupakan satu anugerah Allah s.w.t. yang akan mengangkat kemuliaan ummah ini bagi memastikan kehidupan yang aman dan damai berlandaskan tuntutan Islam. Wanita mampu bergerak seiring dengan kaum lelaki, menjadi sayap kiri perjuangan dakwah dan berganding sama dengan menjadikan batasan agama sebagai panduan.¹ Pelbagai peranan wanita dalam medan dakwah yang boleh dilaksanakan seperti:

- i. Melaksanakan tanggungjawab dakwah kepada anak-anak.
- ii. Melaksanakan tanggungjawab dakwah kepada ahli keluarga terdekat.
- iii. Melaksanakan tanggungjawab dakwah kepada rakan wanita.
- iv. Melaksanakan tanggungjawab dakwah dalam bidang pendidikan.
- v. Melaksanakan tanggungjawab dakwah dalam bidang ekonomi.
- vi. Melaksanakan tanggungjawab dakwah dalam bidang politik.
- vii. Melaksanakan tanggungjawab dakwah dalam bidang penulisan.
- viii. Melaksanakan tanggungjawab dakwah dalam bidang perubatan.
- ix. Melaksanakan tanggungjawab dakwah dalam bidang kerjaya yang diceburi.
- x. Melaksanakan tanggungjawab dakwah dalam bidang kepimpinan masyarakat.
- xi. Melaksanakan tanggungjawab dakwah dalam bidang kerja amal.
- xii. Melaksanakan tanggungjawab dakwah dalam bidang pertubuhan bukan kerajaan.
- xiii. Melaksanakan tanggungjawab dakwah dalam apa jua kesempatan yang ada.

LATAR BELAKANG USTAZAH DATIN RUSMIATI HARUN

Nama penuh beliau ialah Datin Hajah Rusmiati Binti Harun. Beliau berumur 69 tahun. Ustazah Rusmiati Harun dilahirkan pada 12 September 1946 di Bukit Tinggi, Sumatera, Indonesia. Susur galur keluarga beliau adalah daripada suku kaum Minangkabau. Keluarganya pula memang berasal dari Bukit Tinggi, Sumatera, Indonesia yang kemudiannya berhijrah ke Malaysia pada tahun 1960. Beliau merupakan anak sulung kepada pasangan Haji Harun Bin Adam dan Hajjah Mardiana Binti Marzuki.²

¹ Selmah Ahmad, Bushrah Basiron, Mohd Ismail Mustari & Kamarul Azmi Jasmi. *Op. Cit.* Hlm. 133.

² Temubual bersama Ustazah Datin Hajah Rusmiati Harun. Kampung Sungai Ramal Dalam, Kajang, Selangor Darul Ehsan pada hari Sabtu 13 Jun 2015. Jam 10.30 pagi.

Adik-beradiknya adalah seramai enam orang iaitu lima daripadanya adalah perempuan dan seorang sahaja lelaki, iaitu adik bongsunya. Adik – adiknya ialah Nelma adik dibawahnya merupakan seorang ahli perniagaan, adiknya yang ketiga bernama Darnita sebagai doktor, adiknya yang keempat pula Rozita, seorang guru, kemudian Asmaini adalah bekas eksekutif akauntan manakala adik lelaki bongsunya yang bernama Asman merupakan sebagai seorang guru agama. Kesemua mereka telah berkahwin dan masing – masing menjadi insan berjaya hasil didikan ibu bapa mereka walaupun pada permulaan kehidupan mereka sejak sampai di Malaysia sangat susah dan tidak mewah.³

Ibu beliau iaitu Puan Hajjah Mardiana Binti Marzuki hanyalah sebagai surirumah sepenuh masa, yang sentiasa menjaga keperluan keluarga dan mendidik anak-anaknya di rumah dengan penuh kasih sayang. Bapa beliau pula, iaitu Encik Haji Harun Bin Adam bekerja sebagai seorang peniaga yang rajin berusaha. Sewaktu Ustazah Rusmiati masih kecil lagi, bapanya memang sudah berada di Malaysia untuk mencari rezeki. Bapanya sering berulang-alik ke Malaysia – Sumatera untuk menjenguk isteri dan anak-anaknya setahun atau dua tahun sekali sahaja.

Disebabkan memikirkan kesulitan persekolahan anak-anak, ibu bapanya membuat keputusan untuk mereka sekeluarga berhijrah tinggal di Malaysia. Tambahan pula pada waktu itu amat sulit untuk menghantar kiriman wang kepada keluarga. Pada masa itu, kemudahan bank dan pos belum ada lagi, hanyalah boleh dikirim melalui orang. Sewaktu berimigran ke Malaysia, beliau berumur hampir 12 tahun, telah tamat sekolah rendah dan adik-beradiknya pula baru tiga orang sahaja.

Berlandaskan prinsip Islam iaitu bercinta selepas berkahwin, beliau telah mendirikan rumah tangga bersama pasangan tersayang. Suaminya bernama Ustaz Datuk Haji Mohd Nakhaie Bin Ahmad. Ketika itu, Ustazah Rusmiati belajar di tahun dua di Universiti Kebangsaan Malaysia sementara Mohd Nakhaie balik daripada Mesir setelah selesai pengajiannya di Universiti Al - Azhar.⁴

Setelah mendapatkan restu daripada kedua-dua pihak ibubapa, mereka pun berkahwin pada tahun 1972 di rumah orang tua Ustazah Rusmiati iaitu di Kampung Dato' Keramat, Kuala Lumpur. Hasil perkongsian hidup yang sangat bahagia, Allah s.w.t.

³ Temubual bersama Puan Nelma Harun. Adik Ustazah Rusmiati. Kampung Sungai Ramal Dalam, Kajang, Selangor Darul Ehsan pada hari Rabu 25 November 2015. Jam 10.30 pagi.

⁴ Temubual bersama Ustazah Datin Hajjah Rusmiati Harun. Kampung Sungai Ramal Dalam, Kajang, Selangor Darul Ehsan pada hari Ahad 5 Julai 2015. Jam 3.00 petang.

mengurniakan mereka seramai lapan orang anak sahaja iaitu empat perempuan dan empat lelaki.⁵

Anak – anak mereka ialah Huwaida (sulung), dahulunya belajar di Jordan, sekarang mempunyai empat orang anak. Kemudian Haiyan (anak kedua), graduan Biomedik di UKM telah mempunyai dua orang cahaya mata. Anak ketiga pasangan tersebut iaitu Hifny telah meninggal dunia kerana kemalangan, manakala Hamdi dahulu belajar di Universiti Multimedia juga mempunyai empat cahaya mata. Seterusnya Hasif, keluaran Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dikurniakan tiga orang anak. Anak keenam ialah Huwaina, juga keluaran UIA manakala Hanini graduan dari Universiti Teknologi MARA (UiTM). Akhir sekali, anak bongsu mereka bernama Hanani juga keluaran UiTM dari Segamat, Johor, telah berkahwin dan baru dikurniakan seorang cahaya mata perempuan.

Sehingga ke hari ini, anak – anak mereka semuanya telah besar dan menjadi insan berjaya hasil didikan Islam dan kasih sayang yang sempurna. Anak – anak mereka juga telah berkahwin dan telah mempunyai cahaya mata yang comel. Kini, mereka mempunyai sebuah keluarga besar dan pasangan Ustazah Rusmiati dan Ustaz Nakhaie memperoleh 14 orang cucu.

Ustazah Rusmiati bersekolah rendah di Bukit Tinggi, Sumatera sehingga tamat darjah enam. Selesai sahaja sekolah rendah, beliau dan adik – adik dibawa ke Malaysia oleh orang tuanya dan menyambung pelajaran di sekolah menengah di sebuah sekolah menengah swasta iaitu Taman Pendidikan Islam di Kampung Pandan. Namun kini, sekolah tersebut sudah tiada lagi.⁶

Selepas itu beliau menyambung pelajaran di Kolej Islam Malaya, Kelang. Kemudian, di Universiti Kebangsaan Malaysia, Fakulti Pengajian Islam bidang Syariah pada tahun 1970.⁷ Pada waktu itu, beliau merupakan kemasukan pertama UKM. Beliau masih ingat lagi nombor matriks beliau adalah 005.

⁵ Intan Nadzatul Abdul Rashid, Nur Ashikin Zanudin & Intan Nadatul Nadwa Noor Azly. 2015. *Transkrip Temubual Bersama Dengan Datin Hajah Rusmiati Binti Harun, Pengerusi Biro Wanita Pertubuhan Ikatan Kebajikan Masyarakat Minangkabau, Mengenai Pengalaman Beliau Sebagai Tokoh Suku Kaum*. Disertasi Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Pengurusan Rekod, Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Puncak Perdana, Selangor.

⁶ Temubual bersama Ustazah Datin Hajah Rusmiati Harun. Kampung Sungai Ramal Dalam, Kajang, Selangor Darul Ehsan pada hari Ahad 5 Julai 2015. Jam 3.00 petang.

⁷ Kamariah Kamarudey. 1998. Ikhlasikan Hati Dalam Menghadapi Hidup. *Anis*, September.

Tamat sahaja pelajarannya, beliau menerima ijazah pada tahun 1974 dengan B.A HONORS Kepujian. Kemudian, beliau terus diterima berkhidmat di Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dalam lapangan dakwah.

SEJARAH KERJAYA DAN PERKHIDMATAN DALAM AKTIVITI DAKWAH

Selepas tamat belajar, beliau ditawarkan pekerjaan sebagai Pegawai Ugama Wanita di Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Sesuatu yang sangat membanggakan ibu bapanya ialah pada waktu itu beliau merupakan pegawai wanita pertama yang mempunyai segulung ijazah ditugaskan sebagai Pegawai Ugama Wanita.⁸

Tugas yang dijalankan adalah berkaitan dengan wanita dan masalah kekeluargaan. Beliau mendapati waktu itu masyarakat sangat haus dahagakan ilmu pengetahuan mengait kekeluargaan dan ilmu agama yang mana dahulu agak kurang diwujudkan penerangan dakwah untuk masyarakat. Beliau didatangi ramai orang untuk mengemukakan permasalahan khususnya mengait dengan keluarga dan masyarakat. Ustazah Rusmiati mendapati ramai kaum ibu, bapa, isteri dan suami tidak mempunyai ilmu pengetahuan agama yang sempurna, terutama solat dan hal rumah tangga. Antara persoalan yang dikemukakan kepada Ustazah Rusmiati pada waktu itu ialah tentang soal mandi hadas padahal orang itu sudahpun mempunyai dua orang anak. Kemudian ada jugak masalah lain yang lebih mengejutkan apabila terdapat pasangan yang telah berkahwin hampir 10 tahun, suami sudah beberapa kali melafazkan perkataan ‘cerai’ kepada isterinya tetapi masih hidup bersama sebagai suami isteri dan beranak - pinak.

Setelah dua tahun berkhidmat di JAIS, beliau memohon untuk berpindah ke Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS) yang bertempat di Bangunan Pusat Islam, Jalan Perdana bersebelahan dengan Masjid Negara oleh kerana suaminya, Ustaz Nakhaie Ahmad pada ketika itu ditawarkan untuk membuat *Master* di Al-Azhar, Kaherah. Oleh sebab itu apabila berpindah ke Bahagian Ehwal Islam Ustazah Rusmiati boleh tinggal bersama ibu dan ayahnya di kampung Dato’ Keramat, Kuala Lumpur. Ketika itu Ustazah Rusmiati mempunyai seorang anak berusia tiga tahun.

Permohonan beliau diterima dengan baik. Kebetulan pada masa itu, BAHEIS memerlukan pegawai yang mengait dengan bidang beliau. Jadi, beliau meneruskan karier beliau di dalam bidang kekeluargaan dan masyarakat.

⁸ Temubual bersama Ustazah Datin Hajah Rusmiati Harun. Kampung Sungai Ramal Dalam, Kajang, Selangor Darul Ehsan pada hari Jumaat 11 September 2015. Jam 3.30 petang.

Pada masa itu, BAHEIS duduk sebumbung dengan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). Kira-kira sebulan setelah diterima bertugas di BAHEIS beliau ditempatkan untuk berkhidmat di JAWI dan diberi peranan untuk menguruskan bahagian kekeluargaan dan wanita. Pada masa itu Wilayah Persekutuan terbahagi kepada enam zon parlimen. Di dalam mesyuarat jabatan telah dipersetujui bahawa bagi setiap zon parlimen ditugaskan seorang pegawai wanita untuk mengendalikan hal kekeluargaan dan wanita. Maka jabatan pun melantik enam orang pegawai wanita yang semuanya berijazah dan dalam bidang pengajian Islam. Ustazah Rusmiati dilantik sebagai ketua yang dipanggil pada waktu itu sebagai Ketua Unit Perunding Keluarga.

Sepanjang beliau berkhidmat di JAWI, pihak JAWI memberi arahan kepadanya supaya meneruskan usaha dan khidmat yang telah dijalankan semasa di JAIS. Di samping itu, setelah enam bulan bertugas di sana, beliau mengemukakan kertas cadangan dalam mesyuarat jabatan supaya JAWI bersedia dan bersetuju menganjurkan kursus rumahtangga dan kekeluargaan dari semasa ke semasa sesuai dengan keperluan masyarakat pada ketika itu. Cadangan beliau diterima dengan sangat baik dan pihak jabatan memperuntukkan sebanyak RM12 ribu pada 1978 bagi membiayai kursus tersebut.

Setiap kali kursus diadakan, dijalankan selama tiga hari dari pagi hingga ke petang dengan membincangkan tajuk-tajuk yang berkaitan dengan kekeluargaan dan rumahtangga seperti tujuan perkahwinan, tanggungjawab suami isteri, hak nafkah, kewajipan menerapkan nilai islam dalam kehidupan, bab talak, kesan dan akibat, mahkamah dan perjalanannya serta banyak lagi tajuk yang bersesuaian. Kursus tersebut berjalan dengan baik dan penerimaan masyarakat juga adalah diluar dugaan. Pada pertengahan tahun pula, duit yang diperuntukkan sebanyak RM12 ribu itu telah habis. Oleh itu, beliau meminta kebenaran pihak jabatan untuk melaksanakan kursus seterusnya dengan mengutip bayaran dari setiap peserta sebanyak RM10 sahaja setiap seorang. Cadangannya itu dipersetujui dan setiap peserta juga bersetuju untuk membayar RM10 seorang bagi setiap kali kursus yang dijalankan.

Kursus kekeluargaan yang dianjurkan oleh Ustazah Rusmiati akhirnya dibuat keputusan oleh JAKIM bahawa setiap pasangan yang akan mendirikan rumahtangga perlu menjalani kursus asas kekeluargaan sebagai persiapan untuk menjadi suami dan isteri dengan penuh bahagia dan diredhai Allah. Akhirnya pihak JAKIM telah memutuskan dan membuat peraturan bahawa setiap pasangan yang akan berkahwin di

seluruh negeri di Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak diwajibkan mengikuti Kursus Pra Perkahwinan seperti yang sedang berjalan sekarang ini selama dua hari iaitu Sabtu dan Ahad. Ustazah Rusmiati rasa sangat bersyukur dan mengagap bahawa kursus pra perkahwinan itu adalah sebagai peninggalan dan pusaka sepanjang perkhidmatannya kerana beliau mencetuskan idea dari peringkat awal. Beliau juga berdoa dan mengharapkan bahawa Kursus Pra Perkahwinan itu dikaji dari semasa ke semasa dan disesuaikan untuk keperluan terkini.

Ustazah Rusmiati mengimbau kenangan lampau semasa khidmat beliau sebagai Ketua Unit Keluarga. Oleh kerana pada masa itu dakwah dan penerangan mengenai kekeluargaan baru berkembang di sekitar masyarakat Malaysia, beliau sangat banyak menerima jemputan untuk mengadakan kursus, seminar dan forum mengenai kekeluargaan di seluruh Negara termasuk permohonan daripada Brunei dan Singapura. Antara penglibatan program, kursus, forum dan seminar yang telah beliau terlibat ialah :

- i. Seminar Al-Quran Antarabangsa Kali Ke-5 (7-9 Januari 1995)
- ii. Bengkel Penulisan Dan Kewartawanan (16 September 1996)
- iii. Bengkel Peningkatan Mutu Majalah BAHEIS (10 Jun 1995)
- iv. USA Educational Exploration (US' 97) di California, United States of America (20 Jun – 12 Julai 1997)
- v. Kursus Pengurusan Protokol Dan Komunikasi (25 Ogos 1997)
- vi. Menjayakan Sambutan Maulidur Rasul (1415 H /1994 M - 1417 H/1996 M)
- vii. Kursus Methodologi Penyelidikan Hadis (19 Mei 1986)
- viii. Seminar Ketokohan Wanita Islam Peringkat Kebangsaan sebagai pembentang kertas kerja (16-17 November 2000)
- ix. Forum Perdana Hal Ehwal Islam di TV1
- x. Slot Nasi Lemak Kopi O' di TV9 2015
- xi. Contoh penulisan beliau :
 - Sikap Berlembut Punca Isteri Didera (Utusan Malaysia, 18 November 1995)
 - Jangan Takut Jadi Ibu Tunggal (Utusan Malaysia, 20 Julai 1995)
 - Kehebatan Wanita Sebagai Wanita (Di dalam buku *Ketokohan Wanita Islam Teladan Dan Cabaran*)

Selain daripada itu, Ustazah Rusmiati juga sangat banyak diminta untuk terlibat dengan penulisan mengait dengan hal kekeluargaan di dalam pelbagai media termasuk majalah-majalah, akhbar, artikel, menulis kertas kerja untuk seminar-

seminar dan forum.⁹ Pada waktu itu beliau sering sekali terlibat di televisyen menyertai forum yang dinamakan Forum Perdana Hal Ehwal Islam dan ceramah. Mudah-mudahan setiap usaha dan perjuangan yang telah dicurahkan mendapat keredhaan Allah s.w.t.

Ustazah Rusmiati sangat berpuas hati dengan khidmat dan perjuangan beliau selama memegang Ketua Unit Perunding Keluarga selama sepuluh tahun di JAWI. Selepas itu, beliau dipindahkan ke JAKIM kerana proses naik pangkat.

Sepanjang berkhidmat di JAKIM beliau telah ditempatkan di beberapa bahagian dan pernah memegang pengarah Bahagian Penyelidikan, pengarah Dakwah dan jawatan yang akhir sebelum berpencen ialah sebagai Pengarah Penerbitan JAKIM.

Di samping itu, selain sibuk dalam bidang dakwah, Ustazah Rusmiati juga dahulunya menjadi seorang usahawan. Pelbagai jualan yang diniagakan. Antara produk beliau yang diusahakan adalah keropok maruku yang pernah diedarkan sekitar Kuala Lumpur, mengedar baju-baju Muslim dan telekung yang dipesan dari Indonesia. Usaha-usaha ini dibantu oleh adik-adiknya yang semuanya berminat dalam bidang perniagaan. Beliau sangat bijak membahagikan masa antara tanggungjawab rumahtangga, dakwah dan juga perniagaan yang diusahakan disamping sentiasa mendapat bantuan dan sokongan daripada banyak pihak.¹⁰

Kira-kira setahun selepas pencen, beliau dijemput berkhidmat di Bilik Kaunseling di Masjid Negara setiap hari Isnin. Seiring dengan itu Ustazah Rusmiati diminta juga untuk berkhidmat di radio Selangor FM setiap hari Rabu jam 6.10 hingga 6.45 petang. Beliau bercakap mengenai hal kekeluargaan dan masyarakat. Ustazah Rusmiati bercakap sebagai mukadimah selama lima minit kemudian beliau memberi peluang kepada pendengar untuk mengemukakan persoalan, memberikan pandangan atau apa sahaja yang diperlukan. Beliau turut terlibat dengan beberapa NGO.

NGO yang Ustazah Rusmiati terlibat:

- i. Ahli Majlis Perunding Wanita YADIM (MAPWIM)
 - Terlibat dari tahun 2000 sehingga sekarang
- ii. Sebagai Ketua Biro Wanita Persatuan Kebajikan Minang Malaysia (PIKM)
 - Terlibat dari tahun 2011 sehingga 2014

⁹ Zaitun Ali. 1995. Pancaran Ilmu Dari Tokoh-tokoh Ilmuan Islam. *Utusan Malaysia*, 17 Ogos.

¹⁰ Kamariah Kamarudey. 2000. Usahawan Dari Rumah. *Anis*, Mei.

- iii. Memimpin kumpulan usrah Wanita Kampung Sungai Ramal Dalam (WARADA) yang diadakan sebulan sekali. Diantara pengisian kumpulan usrah ini ialah :
- Tazkirah.
 - Mengadakan lawatan di luar dan dalam negara.
 - Terlibat dengan acara kebajikan seperti musim banjir dan seumpamanya.
 - Membincangkan hal-hal ekonomi dan mengedarkan produk orang kampung kepada sekitar ahli WARADA.

Beliau meninggal dunia pada 26 Februari 2017 kerana sakit yang dialaminya.

PERANAN DATIN RUSMIATI DALAM USAHA MENYEBARKAN DAKWAH

Dakwah adalah satu langkah penting dan utama ke arah pembinaan dan pembangunan manusia demi untuk menundukkan seluruh kehidupan mereka kepada Allah s.w.t. dan pada masa yang sama mencapai keredhaannya.¹¹ Pelbagai peranan dimainkan oleh Datin Rusmiati Harun dalam dakwah, antaranya adalah:

Mewujudkan Keluarga Dengan Nilai Kasih Sayang Dan Pendidikan Agama

Peranan yang perlu dimainkan sebagai pendakwah ialah, yang paling utama adalah untuk memastikan kesempurnaan keluarga muslim sangat penting.¹² Hal ini kerana keluarga adalah kelompok kecil yang paling memberi pengaruh terhadap perkembangan individu. Oleh itu, perlu mewujudkan keluarga yang dibina dengan nilai kasih sayang dan juga pendidikan agama agar anak-anak serta saudara-mara tidak terpengaruh dengan pengaruh negatif.

Menyebarkan Ilmu Kepada Masyarakat

Di samping itu, sewaktu beliau mula-mula berkecimpung, tidak ramai lagi pendakwah wanita berijazah terjun dalam bidang dakwah. Maka, beliau sangat terasa bahawa tenaga pendakwah wanita sangat berkurangan tetapi diperlukan. Walaupun sewaktu belajar dahulu tidak banyak terdedah dengan masalah masyarakat, tetapi pada pendirian beliau, adalah sangat penting untuk dirinya memainkan peranannya sebagai pendakwah apabila masyarakat sangat hauskan ilmu – ilmu dan pendedahan agama.

¹¹ Roslan Mohamed. 2001. Faktor Kegemilangan Dakwah Islamiah : Suatu Tinjauan. *Jurnal YADIM*. Bil. Kedua : Hlm. 99-111.

¹² Temubual bersama Ustazah Datin Hajah Rusmiati Harun. Kampung Sungai Ramal Dalam, Kajang, Selangor Darul Ehsan pada hari Jumaat 11 September 2015. Jam 3.30 petang.

Memberi Bantuan Kepada Kaum Wanita

Selain itu, sebagai seorang pendakwah wanita adalah perlu memberi bantuan kepada para isteri dan ibu untuk mengetahui hak dan tanggungjawabnya dengan jelas. Sebaik-baiknya dalam hal ini pegawai wanitalah yang sesuai beri penjelasan kepada para isteri dan ibu kerana ada beberapa hal tertentu mengenai kehidupan wanita lebih sesuai dibincang dan diberi penerangan oleh pegawai wanita. Sebagai seorang pendakwah wanita, sehingga ke hari ini beliau berasa sangat berpuas hati dan bersyukur dengan penglibatan beliau di dalam kerjayanya khusus dibidang wanita dan kekeluargaan.

Memberi Khidmat Kaunseling

Beliau pernah berkhidmat di Bilik Kaunseling di Masjid Negara setiap hari Isnin. Seiring dengan itu Ustazah Rusmiati diminta juga untuk berkhidmat di radio Selangor FM setiap hari Rabu jam 6.10 hingga 6.45 petang. Beliau membincangkan mengenai hal kekeluargaan dan masyarakat. Ustazah Rusmiati bercakap sebagai mukadimah selama lima minit kemudian beliau memberi peluang kepada pendengar untuk mengemukakan persoalan, memberikan pandangan atau apa sahaja yang diperlukan. Beliau turut terlibat dengan beberapa NGO.

Memperkukuhkan Institusi Keluarga

Beliau pernah mengemukakan cadangan kepada JAIS untuk mengadakan seminar kekeluargaan. Beliau telah menjemput pensyarah – pensyarah dari Kolej Islam untuk bercakap dalam tajuk – tajuk yang diperlukan, yang mengait dengan kekeluargaan. Sambutan yang diterima amatlah membanggakan.

Mengemukakan Cadangan Diwujudkan Jawatan Pegawai Khidmat Kekeluargaan

Memandangkan khidmat kekeluargaan adalah begitu perlu sekali, Ustazah Rusmiati telah mengemukakan cadangan dalam mesyuarat peringkat jabatan agar di tiap-tiap daerah pejabat agama di negeri Selangor diwujudkan jawatan pegawai khidmat kekeluargaan. Pihak jabatan memberi persetujuan. Selepas itu 12 jawatan khidmat kekeluargaan diwujudkan di negeri Selangor. Tiap-tiap satu ditugaskan pegawai agama yang berkelulusan SPM. Ustazah Rusmiati sering mengadakan pertemuan dengan pegawai-pegawai ini untuk mengambil tahu masalah kekeluargaan yang berlaku di tiap-tiap daerah kemudian membincangkan masalah tersebut untuk mencari jalan terbaik.

Melibatkan Diri Dalam NGO

Beliau terlibat sebagai Ahli Majlis Perunding Wanita YADIM (MAPWIM)(2000-2017), Ketua Biro Wanita Persatuan Kebajikan Minang Malaysia (PIKM) (2011-2014).

Memimpin Usrah Wanita

Beliau dilantik untuk memimpin kumpulan usrah Wanita Kampung Sungai Ramal Dalam (WARADA) yang diadakan sebulan sekali. Diantara pengisian kumpulan usrah ini ialah tazkirah, mengadakan lawatan di luar dan dalam negara, terlibat dengan acara kebajikan seperti musim banjir dan seumpamanya, membincangkan hal-hal ekonomi dan mengedarkan produk orang kampung kepada sekitar ahli WARADA.

Penglibatan Dalam Masyarakat

Terlibat dengan beberapa alumni seperti Alumni UKM, Alumni JAKIM dan Alumni TAPIS iaitu bekas pelajar Taman Pendidikan Islam Kampung Pandan, Kuala Lumpur. Dan pernah menjadi ahli Majlis Agama Islam Selangor.

PENUTUP

Dakwah adalah tanggungjawab semua termasuk juga wanita, Ia memainkan peranan yang penting dalam kehidupan beragama. Datin Rusmiati Harun merupakan salah seorang pendakwah wanita di Malaysia. Banyak pengalaman dan kejayaan-kejayaan yang telah diperolehi sepanjang beliau berkecimpung di dalam medan Dakwah. Pengalaman yang beliau perolehi sejak dari mula karier menyebabkan beliau banyak menimba pengalaman dan amat matang dengan isu-isu masyarakat khususnya di dalam keluarga dan social dalam NGO, semasa berkhidmat sebagai pegawai kaunseling di Masjid Negara (Isnin), penyampai kuliah dalam radio Selangor FM. Antara perannya adalah mewujudkan keluarga dengan nilai kasih sayang dan pendidikan agama, Menyebarkan ilmu kepada masyarakat, memberi bantuan kepada kaum wanita, khidmat Kaunseling dan sebagainya. Ini menunjukkan bahawa peranan wanita. Amat penting terutama dalam menyelesaikan masalah berkaitan wanita.

RUJUKAN

Selmah Ahmad, Bushrah Basiron, Mohd Ismail Mustari & Kamarul Azmi Jasmi. Op. Cit. Hlm. 133.

Temubual bersama Ustazah Datin Hajah Rusmiati Harun. Kampung Sungai Ramal Dalam, Kajang, Selangor Darul Ehsan pada hari Sabtu 13 Jun 2015. Jam 10.30 pagi.

- Temubual bersama Puan Nelma Harun. Adik Ustazah Rusmiati. Kampung Sungai Ramal Dalam, Kajang, Selangor Darul Ehsan pada hari Rabu 25 November 2015. Jam 10.30 pagi.
- Temubual bersama Ustazah Datin Hajah Rusmiati Harun. Kampung Sungai Ramal Dalam, Kajang, Selangor Darul Ehsan pada hari Ahad 5 Julai 2015. Jam 3.00 petang.
- Intan Nadzatul Abdul Rashid, Nur Ashikin Zanudin & Intan Nadatul Nadwa Noor Azly. 2015. Transkrip Temubual Bersama Dengan Datin Hajah Rusmiati Binti Harun, Pengerusi Biro Wanita Pertubuhan Ikatan Kebajikan Masyarakat Minangkabau, Mengenai Pengalaman Beliau Sebagai Tokoh Suku Kaum. Disertasi Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Pengurusan Rekod, Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Puncak Perdana, Selangor.
- Temubual bersama Ustazah Datin Hajah Rusmiati Harun. Kampung Sungai Ramal Dalam, Kajang, Selangor Darul Ehsan pada hari Ahad 5 Julai 2015. Jam 3.00 petang.
- Kamariah Kamarudey. 1998. Ikhhlaskan Hati Dalam Menghadapi Hidup. Anis, September.
- Zaitun Ali. 1995. Pancaran Ilmu Dari Tokoh-tokoh Ilmuan Islam. Utusan Malaysia, 17 Ogos.
- Kamariah Kamarudey. 2000. Usahawan Dari Rumah. Anis, Mei.
- Roslan Mohamed. 2001. Faktor Kegemilangan Dakwah Islamiah : Suatu Tinjauan. Jurnal YADIM. Bil. Kedua: Hlm. 99-111.
- Temubual bersama Ustazah Datin Hajah Rusmiati Harun. Kampung Sungai Ramal Dalam, Kajang, Selangor Darul Ehsan pada hari Jumaat 11